

17 SEP 2001

SEA-Penutup

MALAYSIA TUTUP TIRAI SUKAN SEA DENGAN PENUH GEMILANG

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Tirai Sukan SEA ke-21 dilabuhkan di sini malam ini dengan acara penuh warna-warni, persembahan muzik dan perasaan gembira setelah berakhirnya 10 hari pertandingan yang penuh dengan semangat persahabatan yang menyaksikan Malaysia mencipta sejarah dengan muncul sebagai juara keseluruhan temasya sukan serantau itu.

Malah, semasa obor Sukan SEA hampir padam setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan berakhirnya sukan tersebut, Stadium Nasional di Bukit Jalil bertukar menjadi sebuah tapak pesta bagi 100,000 penonton.

Keringat yang di perah serta air mata yang mungkin mengalir selama 10 lalu kini sudah terbalas dan bagi kira-kira 3,500 atlit yang mengambil bahagian, malam ini membawa cerita berbeza kerana dapat melupakan segala keperitan dan sama-sama berganding bahu dalam semangat dan perpaduan Asean.

Kegembiraan Malaysia kerana muncul sebagai juara keseluruhan menjadi bertambah manis apabila penunggang kudanya Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil diisytiharkan Olahragawan Asean.

Thailand yang muncul sebagai naib juara keseluruhan juga mempunyai sebab untuk bergembira kerana jaguh pecutnya Supavadee Khawpeag diisytiharkan Olahragawati Asean.

"Saya dengan ini mengisytiharkan Sukan SEA berakhir dan menyeru semua pemuda-pemudi di Asia tenggara untuk sama-sama berhimpun di Hanoi dua tahun lagi bagi menjayakan sukan ini," kata Dr Mahathir sewaktu menutup dengan rasminya Sukan SEA ke-21.

Upacara penutup itu juga disiarkan secara langsung ke seluruh negara.

Kemunculan Malaysia sebagai juara keseluruhan sejak kewujudan sukan itu sebagai Sukan SEAP pada 1959 dengan merangkul 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa menjadi sebab yang cukup jelas bagi negara ini menentukan masa depannya dalam bidang sukan.

Awal hari ini, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata satu kertas mengenai kemajuan sukan akan dikemukakan kepada Kabinet dan sekiranya ia diterima standard serta kecemerlangan sukan negara akan menjadi kenyataan dalam tempoh yang singkat.

Hujan renyai-renyai yang turun sebelum pintu stadium dibuka kepada orang ramai untuk sama-sama memeriahkan acara penutup yang bertemakan "ASEAN: Masa Untuk Merayakan" tidak melemahkan semangat mereka untuk mengambil tempat duduk masing-masing beberapa jam sebelum bermulanya persembahan oleh artis-artis terkenal tanah air termasuk Erra Fazira dan Ziana Zain.

Anggota pasukan payung terjun memulakan sambutan acara penutup dengan membuat pendaratan di padang stadium bersama 10 bendera negara yang mengambil bahagian dengan iringan lagu "Jalur Gemilang" yang dinyanyikan oleh sebuah kumpulan koir.

Perbarisan memasuki stadium oleh kontinjen mengikut jenis sukan dan bukannya negara yang diwakili disambut dengan tepukan gemuruh dalam limpahan petikan kamera yang merakamkan acara itu. Barisan apertama yang memasuki stadium ialah terdiri daripada peserta-peserta akuatik, diikuti oleh peserta memanah, olahraga dan seterusnya peserta-peserta acara lain.

Kemuncak kepada persembahan muzikal malam ini ialah persembahan "Citrawarna Malaysia", apabila 300 peserta dan 50 pemukul gendang menggegarkan stadium dengan gema irama yang mencerminkan kepelbagaian irama lagu serta tarian tradisional rakyat berbilang kaum di negara ini.

Perasaan para hadirin menjadi begitu tersentuh apabila kawah obor dipadam sebagai tanda berakhirnya Sukan SEA ke-21 dan bendera Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) diturunkan dengan diiringi lagu tema sukan tersebut.

Pengerusi SEAGF yang juga presiden majlis Olimpik Malaysia (OCM) Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar kemudiannya menyerahkan bendera tersebut kepada tuan rumah seterusnya iaitu Vietnam.

Beliau juga menyerahkan "baton" kepada presiden Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Vietnam yang juga Menteri Sukan negara itu Nguyen Danh Thai.

Selepas itu Vietnam mempersembahkan pertunjukan kebudayaan berjudul "Selamat Datang Ke Vietnam" di mana sehelai bendera gergasi berwarna merah dikibarkan disekeliling sekumpulan wanita Vietnam yang membuat pesembahan tiga babak yang mengambil masa selama kira-kira 11 minit.

Para penonton melahirkan kegaguman mereka apabila bunga api ditembak ke udara dan serentak dengan itu 21 pendaki gunung turun melalui tali dari bumbung stadium untuk mengagih-agihkan hadiah kepada hadirin yang bernasib baik manakala belon dan kertas-kertas kecil berwarna-warni ditabur ke udara.

Acara penutup yang diadakan secara ringkas dan lebih santai ini mencerminkan ketinggian budaya negara-negara yang mengambil bahagian dan sambutan yang diadakan bukan sahaja untuk meraikan ahli-ahli sukan tetapi juga kepelbagaian yang mereka miliki dengan semangat perpaduan Asean.

Sukan SEA pertama alaf ini bukan sekadar mencatatkan beberapa pencapaian baru malah bagi Kemboja, pingat emas tunggal yang dimenangnya dalam tempoh 28 tahun membuka lembaran baru bagi penyertaan wanita dalam bidang sukan di negara itu.

Duch Sophorn, 24, dan Ke Leng, 35, merupakan wanita pertama Kemboja yang memenangi pingat emas dalam acara beregu Petanque, permainan boling versi Perancis yang pertama kali dipertandingkan di sini.

Sebuah lagi negara Indochina, Laos turut memenangi satu pingat emas dalam acara petanque yang akan menjadi ingatan abadi negara itu kerana ia merupakan emas kedua yang dimenangnya selepas Sukan SEA Brunei 1999 setelah Sukan SEA kini mencapai usianya yang ke-42 tahun.

Sukan SEA yang diadakan di sini juga menjadi medan kajian bagi tuan rumah berikutnya iaitu Vietnam.

Sebuah kumpulan pemikir seramai lapan anggota dari negara itu berada di sini sejak bulan lepas untuk mengkaji dan menilai struktur jawatankuasa pengelola serta kemudahan yang terdapat di sini.

Bagi dunia sukan Malaysia, kemunculan sebagai juara keseluruhan bukan merupakan penyudah bagi pencapaiannya dalam bidang sukan malah sebaliknya merupakan permulaan era baru bagi kegemilangan yang ditempah apabila menyertai Sukan Asia serta Sukan Komanwel di Manchester tahun depan.

Sesungguhnya, para atlit negara telah membalas kepercayaan serta RM46 juta yang dibelanjakan untuk membiayai latihan mereka sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA di sini dan sekaligus membuktikan yang "Malaysia Boleh".

Setelah mengucapkan "Selamat Datang" kepada para atlit dan pegawai pada upacara pembukaan yang penuh meriah 10 hari lepas, Malaysia hari ini menutup sukan itu dengan penuh kejayaan.

Di samping muncul sebagai juara keseluruhan untuk kali pertama dalam sejarah temasya sukan itu, rakyat Malaysia telah membuktikan mereka mampu menjadi tuan rumah dengan cemerlang.

Selamat Tinggal Kuala Lumpur. Jumpa lagi di Hanoi pada 2003.

-- BERNAMA

DC MKO SP